

## PENGAMBILKIRAAN 'URF DAN ADAT DALAM FATWA SEMASA: ANALISIS TERHADAP ADAT KEMATIAN BAJAU DI SABAH<sup>1</sup>

### *'Urf and Customs Determination in Fatwa: An Anlysis on Death Ritual Among Bajau Ethnic in Sabah*

Syamsul Azizul Marinsah<sup>i</sup>, Mohd Anuar Ramli<sup>ii</sup>, Khairul Azhar Meerangani<sup>iii</sup> & Muhammad Sayuti

Sabdan<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding Author). Pelajar Pascasiswazah, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, E-mel: [kehak@yahoo.com](mailto:kehak@yahoo.com).

<sup>ii</sup> Pensyarah (PhD), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, E-mel: [mohdanuar@um.edu.my](mailto:mohdanuar@um.edu.my).

<sup>iii</sup> Pelajar Pascasiswazah Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, E-mel: [rahza\\_8811@yahoo.com](mailto:rahza_8811@yahoo.com).

<sup>iv</sup> Pelajar Pascasiswazah, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, E-mel: [mr\\_muhsayuti@gmail.com](mailto:mr_muhsayuti@gmail.com).

#### Abstrak

Dalam disiplin ilmu Usul al-Fiqh, 'urf dan adat mempunyai signifikan yang tersendiri dalam proses pembinaan hukum Islam. Pengambilkiraan 'urf dan adat ini sangat penting kerana ia mampu mempengaruhi pembinaan hukum Islam dan fatwa yang berlatarkan realiti masyarakat setempat. Pengambilkiraan suatu adat atau 'urf itu perlu berasaskan world-view sesuatu masyarakat. Hal ini bermakna, kegagalan memahami 'urf dan adat sesuatu masyarakat akan menyebabkan sesuatu hukum atau fatwa tidak relevan untuk diaplikasikan dalam masyarakat. Pengabaian kepada pengambilkiraan 'urf dan adat dalam berfatwa pasti mengundang kesulitan dan kepayahan kepada sesuatu masyarakat. Justeru, objektif kajian ini cuba mengemukakan bahawa adat dan 'urf masyarakat Bajau di Sabah boleh

#### Abstract

In the disciplines of Usul al-Fiqh (principle of Islamic jurisprudence), "al-urf wa al-adah" has its own significance in the process of construction of Islamic jurisprudence. 'Urf and customs determination in fatwa very important because it can influence the construction of Islamic jurisprudence and fatwa against the reality of the local community. The failure to understand the 'urf and custom of a society will lead to a ruling (hukm) or fatwa is not relevant for applicable in the community. Therefore, the purpose of this study is tried to express that 'urf and custom in Sabah Bajau community can be determined to ensure a balance between idealism in Islamic jurisprudence especially on death ritual Bajau people in reality implementation in the Bajau community. Accordingly, this is a qualitative study which adopts interviews

<sup>1</sup> Artikel ini merupakan penambahbaikan daripada kertas kerja Seminar Antarabangsa Fatwa (ISFATWA) 2016 di Universiti Sains Islam Malaysia

diambil kira dalam proses istinbath hukum atau berfatwa khususnya dalam adat kematian masyarakat Bajau. Ini perlu bagi memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum adat kematian dalam Islam dengan realiti perlaksanaannya di dalam masyarakat Bajau. Sehubungan itu, kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data melalui kaedah temu bual dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati, dalam adat kematian Bajau di Sabah, terdapat banyak tokoh tambah hasil daripada pengalaman dan local wisdom masyarakat Bajau. Unsur tokoh tambah ini perlu dianalisis sama ada ia termasuk dalam 'urf fasid kerana adanya unsur bid'ah ataupun ia termasuk dalam 'urf sah kerana pengambilkiraan 'urf tersebut tidak menjejaskan proses pembinaan hukum Islam atau fatwa.

**Kata kunci:** 'Urf, Fatwa, Bajau, Local Wisdom, Adat Kematian

and data analyze. Eventually, the findings of the study shows that in the customs of the Bajaus, there are many exaggerations result of the experience and local wisdom Bajau community. This element of exaggeration should be analyzed whether classified in 'urf sah or 'urf fasid so as not to affect the process of the construction of Islamic jurisprudence or fatwa.

**Keywords:** 'Urf, Fatwa, Bajau, Local Wisdom, Death Ritual

## PENDAHULUAN

Setiap bangsa di dunia ini memiliki sistem kepercayaan yang tersendiri. Di Malaysia misalnya, masyarakat Melayu memiliki sistem kepercayaan yang telah dicernakan daripada beberapa fahaman dan kepercayaan seperti animisme, Hindu-Buddha dan juga pengaruh agama Islam. Hal yang sama berlaku dengan etnik Bajau yang berada di Sabah. Sistem kepercayaan mereka pada hari ini walaupun berpaksikan agama Islam, namun ia tetap dipengaruhi oleh kepercayaan tradisi mereka sebelum menganut agama Islam iaitu kepercayaan animisme.

Secara umumnya, Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dan terletak di bahagian utara Borneo yang kaya dengan alam semula jadi, khazanah kebudayaan dan masyarakat majmuk yang mempunyai kepelbagaian etnik (Lailawati Madlan et al., 2014: 244). Orang Bajau merupakan salah satu kaum yang terbesar di Sabah. Mereka boleh diklasifikasikan kepada dua kelompok utama iaitu kelompok Bajau di pantai timur Sabah yang terkenal dengan perkerjaan berorientasikan laut serta kelompok Bajau pantai barat Sabah yang terkenal dengan kepakaran pembuatan parang, dan kemahiran menunggang kuda. Dua lokasi

penempatan yang menjadi tumpuan utama etnik Bajau di Sabah ialah di Semporna (pantai timur) dan Kota Belud (pantai barat) (Saidatul Nornis Mahali, 2012: 2). Kedua-dua komuniti ini berbeza dari aspek bahasa atau dialek, adat-istiadat, budaya, dan sebagainya.

'Urf dan adat masyarakat Bajau di Sabah hampir sama dengan 'urf dan adat orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Hal ini bukan sesuatu yang luar biasa kerana kedua-dua etnik ini berpaksikan kepercayaan yang sama iaitu beragama Islam. Namun begitu, pemisahan dari sudut geografi dan pengaruh luar memperlihatkan wujudnya titik perbezaan di antara kedua etnik ini. Orang Bajau kaya dengan adat resam yang diwarisi secara lisan daripada nenek moyang turun temurun hingga ke hari ini. Asimilasi orang Bajau dengan ajaran Islam menyebabkan berlakunya percampuran adat tradisi Bajau dengan ajaran Islam. Akibat percampuran ini, ada antara amalan yang diwarisi secara turun temurun itu dianggap sebagai ajaran Islam, sedangkan ia hanya amalan yang diwarisi dan tidak diketahui dalil yang jelas daripada al-Qur'an dan al-Sunnah sama ada ia boleh diamalkan atau sebaliknya.

## MASYARAKAT BAJAU DI SABAH

Di Sabah, orang Bajau terdapat di kedua-dua Pantai Barat dan Pantai Timur Sabah. Pola penempatan yang berselerak di kalangan etnik Bajau di Sabah menyebabkan wujud banyak perbezaan di antara dua kelompok etnik ini. Perbezaan tersebut lebih ketara dari aspek bahasa, kebudayaan, upacara adat dan sebagainya. Etnik Bajau Pantai Barat menetap di sekitar Putatan, Tuaran, Kota Belud dan Papar manakala etnik Bajau Pantai Timur menetap di sekitar Sandakan Lahad Datu, Semporna, Kunak dan Tawau. Sementara di Kepulauan Sulu, mereka boleh didapati di Zamboanga dan pulau-pulau lain seperti Basilan, Jolo, Siasi, Tawi-Tawi dan Sibutu (Nimmo, 1968: 37). Di Indonesia pula, orang Bajau kebanyakannya terdapat di sebelah timur, khususnya di daerah pantai timur Sulawesi.

Menurut laporan banci penduduk tahun 2010, bilangan penduduk Bajau bagi negeri Sabah ialah 418, 343 orang daripada jumlah penduduk yang seramai 2,603,485 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010: 61). Statistik ini menunjukkan orang Bajau merupakan kumpulan penduduk bumiputera yang kedua terbesar selepas etnik Kadazan-Dusun yang berjumlah 479, 944 orang. Terdapat beberapa teori yang telah dikemukakan berhubung dengan asal-usul istilah Bajau. Kebanyakan teori ini ditulis oleh pengkaji barat yang menyelidik masyarakat Bajau di seantero dunia. Menurut Sopher (1977: 18), perkataan Bajau itu berasal daripada perkataan Bugis iaitu *Waju* yang bererti orang yang bergerak secara kumpulan. Teori ini juga disokong oleh John Crawford dengan kata-kata beliau yang menggambarkan orang Bajau sebagai "*men that go in troops*" (Sopher, 1965: 158). Ben J. Wallace (1965: 43)

berpendapat perkataan Bajau merupakan singkatan daripada perkataan *Bajak Laut* atau *Baja Laut* yang bererti lanun manakala Hasan Mat Nor (1980: 172) pula berpendapat perkataan Bajau berasal daripada perkataan berjauhan yang menggambarkan cara hidup orang Bajau yang sentiasa berjauhan. Begitu juga menurut Yap Beng Liang bahawa segelintir orang Bajau yang berada di Semporna berpendapat perkataan Bajau dipetik daripada perkataan berjauhan kerana pada masa dahulu orang Bajau sentiasa berada di laut iaitu 'berjauhan' dari kawasan darat (Yap Beng Liang, 1977: 36). Hal yang sama turut diperkatakan oleh Asmah Omar (1983: 102). Menurut Saidatul Nornis pula, istilah Bajau merujuk kepada komuniti Bajau yang asal dan *Sama* merujuk kepada istilah memperkenalkan diri masyarakat Bajau kepada sub-etnik Bajau yang lain (Saidatul Nornis, 2012: 11).

Sehubungan dengan itu, masyarakat Bajau di Sabah pernah dikonotasikan dengan beberapa istilah yang diberikan oleh sarjana barat dalam penulisan mereka. Antaranya, orang Bajau pernah digolongkan sebagai satu kelompok *Sea Nomads* (Evans, 1922: 52), *Nomadic Sea Folks* atau *Boat Nomads* (Sopher, 51). Menurut D.E Sopher, kebiasaannya pengkaji orang Inggeris menisbahkan orang Bajau sebagai *Sea Gypsies* manakala *Sea Nomads* dinisbahkan oleh pengkaji Jerman dan Belanda. Kedua-dua istilah ini mempunyai makna yang sama yang merujuk kepada kelompok yang suka mengembara di laut.

#### **PENGAMBILKIRAAN 'URF DAN ADAT DALAM PEMBINAAN HUKUM**

Dalam disiplin ilmu pengajian Islam, fatwa berkait rapat dengan ijtihad. Ekoran itu, fatwa sering dibahaskan dalam kitab *Usul al-Fiqh* bersama-sama dengan perbahasan ijtihad dan taqlid (Al-Ghazali, 1324: 384). Sebagai suatu sistem hidup yang lengkap, Islam melihat kehidupan masyarakat manusia secara rasional. Hukum Islam adalah satu pendekatan yang sangat mementingkan rasional (Mahmood Zuhdi, 2010: 111). Ini terbukti apabila dalam sumber perundangan Islam, terdapat satu metode pengambilkiraan budaya masyarakat yang dikenali sebagai '*al-urf wa al-adah*' (Subhi Mahmasani, 1971: 184). Fakta ini membuktikan Islam menghormati budaya sesuatu masyarakat, malah meraikannya dengan syarat ia tidak bertentangan dengan nas syarak. Berasaskan kepada konsep ini, perbincangan dalam artikel ini akan memfokuskan tentang pengambilkiraan '*urf*' dan adat masyarakat Bajau dalam fatwa semasa terutamanya dalam adat kematian. Fatwa dalam konteks perbincangan ini merujuk kepada pandangan akademik dan jawapan hukum yang dikemukakan sebagai respon kepada persoalan yang diajukan. Ia tidak merujuk kepada fatwa yang diperuntukkan dalam undang-undang pentadbiran hukum Islam di negeri-negeri di Malaysia. Hal ini kerana, dalam institusi fatwa di Negeri Sabah, tidak terdapat fatwa yang

secara khusus membincangkan perihal adat masyarakat Bajau di Sabah (Moktar Daman, 2017).

Walaupun Islam meraikan *'urf* dan adat masyarakat setempat, namun tidak semua *'urf* dan adat itu diterima dalam hukum Islam. Justeru itu, para fuqaha telah membahagikan *'urf* kepada dua bentuk berasaskan autoritinya iaitu *al-'urf al-sahih* dan *al-'urf al-fasid* (Al-Alwani, 2004: 44). Di samping itu, sesuatu *'urf* yang diambilkira perlu memenuhi beberapa syarat (Al-Zuhayli, 2010: 836). Antaranya ialah;

- a. *'Urf* itu hendaklah diamalkan oleh masyarakat secara menyeluruh atau meluas. Kalaupun ada yang tidak mengamalkannya jumlahnya hanya sedikit (minimum). Maka memadai ia diamalkan oleh majoriti masyarakat. Syarat ini disebut sebagai *'muttarid'* atau *'ghalib'*.
- b. *'Urf* mestilah telah wujud terlebih dahulu daripada sesuatu tindakan (*tasarruf*), baharulah ia berautoriti semasa tindakan (*tasarruf*) itu berkuat kuasa. Ia bermakna kejadian *'urf* itu telah mendahului waktu tindakan dan berterusan hingga masa berakhirnya tindakan itu. Dalam erti kata lain, adat dan *'urf* tersebut sudah wujud sebelum dan semasa timbulnya masalah yang hendak diketahui hukumnya.
- c. *'Urf* dalam sesuatu kontrak dikira berautoriti selagi tidak wujud sesuatu perkataan atau perbuatan yang berterus terang menyalahi *'urf*. Sekiranya terdapat sebarang kenyataan yang bercanggah, maka *'urf* tidak lagi diamalkan.
- d. *'Urf* itu tidak bertentangan dengan nas syarak atau pun bercanggah dengan mana-mana prinsip syariah yang telah putus (*qat'i*).
- e. Pengamalan *'urf* tersebut mestilah merangkumi seluruh negara. Dalam konteks ini, ia merujuk khusus kepada *'urf* yang membataskan yang umum dan mengikatkan yang mutlak.
- f. *'Urf* itu hendaklah dimestikan (mulzaman) di mana wajib beramal dengannya pada pandangan manusia. Syarat ini terdapat dalam fiqh Maliki dan Hanafi (Aizat Jamaludin, 2014: 80).

Ringkasnya, sarjana hukum Islam wajib memahami *'urf* dan adat yang diamalkan dalam sesuatu kelompok masyarakat bagi memastikan keseimbangan di antara idealisme yang terkandung dalam hukum Islam dengan realiti perlaksanaannya di dalam sesuatu kelompok masyarakat. Di samping itu, berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber hukum mazhab yang empat, jumhur ulama sepakat mengatakan bahawa *'urf* merupakan salah satu sumber dari sumber hukum Islam (Noor Naemah Abdul Rahman, 2005: 640). Hal ini kerana *'urf* mempunyai signifikan tersendiri dalam pembinaan hukum Islam. Fakta ini terbukti di mana setiap tempat melahirkan fiqh tempatan yang tersendiri seperti Fiqh al-Hijaz, Fiqh al-Iraq, Fiqh Malaysia dan sebagainya (Mahmood Zuhdi, 2000: 1-20). Begitu juga istilah yang hampir sama dibangunkan di negara jiran Indonesia yang

dikenali dengan istilah 'Primumisasi Islam' (Ainul Fitriyah, 2013: 105) dan Fiqh Indonesia (Shiddiqi, 1977: 230).

### **ADAT KEMATIAN MASYARAKAT BAJAU DI SABAH**


Setiap masyarakat di dunia ini mempunyai adat-adat tertentu dalam melaksanakan pengurusan jenazah. Hal yang demikian berlaku dalam masyarakat Bajau di Sabah. Adat kematian masyarakat Bajau di Sabah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur fahaman animis memandangkan asal kepercayaan mereka sebelum memeluk agama Islam adalah kepercayaan kepada animisme.

Etnik Bajau di Sabah sinonim dengan ajaran agama Islam. Oleh yang demikian secara dasarnya adat yang berkaitan dengan kematian kaum Bajau adalah berlandaskan ajaran Islam. Namun terdapat beberapa adat tradisi tempatan yang ditokok ditambah dalam penyelenggaraan adat kematian Bajau sama ada Bajau di pantai timur mahupun Bajau di pantai barat Sabah. Menurut kepercayaan orang Bajau, upacara kematian mereka mesti dilakukan dengan teliti berlandaskan keperluan agama dan adat kerana melalui upacara inilah, individu yang telah meninggal dunia dipercayai dapat menyesuaikan diri dengan keadaan hidup baru di akhirat (Hj. Alifuddin b. Ghani, 2016).

Di samping itu, menurut kepercayaan mereka, kehidupan orang yang telah meninggal dunia di alam akhirat bergantung kepada amalan mereka di dunia. Orang Bajau percaya bahawa amalan yang baik dan terpuji akan mendapat balasan yang baik di akhirat kelak. Balasan yang sama kepada individu yang berbuat jahat di dunia maka amalannya akan mendapat balasan azab yang setimpal di akhirat kelak. Kebaikan yang dilakukan oleh si mati akan diterima oleh si mati di akhirat. Berdasarkan konsep timbal balik (*cause and effect*) amalan ini, maka jika berlaku kematian, segala bentuk wang, pakaian mahu pun benda kepunyaan si mati akan disedekahkan kepada orang lain (Saleh Faghirzadeh, 2008: 3). Benda-benda yang disedekahkan ini dipercayai mampu memberi kebaikan dan amal jariah kepada si mati di akhirat nanti.

Secara umumnya, penyelenggaraan adat kematian dalam masyarakat Bajau di Sabah dapat dirumuskan dalam tiga fasa iaitu fasa pertama (persediaan awal sebelum kematian), fasa kedua (sebelum dan semasa upacara pengebumian), dan fasa ketiga (selepas upacara pengebumian). Setiap fasa tersebut mempunyai adat dan amalan-amalan tertentu. Kronologi adat kematian Bajau diringkaskan seperti berikut;

### GAMBAR RAJAH 1



### ANALISIS ISU TERPILIH

**a. Adat *Angahulami* dan adat *dua turun napas***

Adat *angahulami* mayat dan adat *dua turun napas* merupakan adat yang diamalkan oleh masyarakat Bajau pantai timur Sabah terutamanya di Semporna jika jenazah tersebut meninggal pada petang atau malam hari. Hal ini kerana, jenazah yang meninggal pada malam hari urusan penyelenggaraan jenazah akan dibuat pada keesokan harinya bagi menunggu ahli waris yang jauh dan persiapan proses menggali kubur. Adat *angahulami* ialah adat membersihkan mayat dengan membersihkan dubur dan qubul setelah mayat

meninggal dunia dan ia dilakukan sebelum proses memandikan jenazah. Ia bertujuan menggelakkan bau pada mayat kerana sebelum mayat mengalami proses penyelenggaraan jenazah, mayat tersebut akan berada di atas rumah dan akan dijalankan adat *dua turun napas* untuk jenazah (Hj. Hussin bin Hj. Hassan, 2015). Adat *dua turun napas* pula ialah adat membacakan al-Qur'an untuk si mati yang dilaksanakan oleh tetamu yang datang secara bergilir di sisi jenazah ketika jenazah berada di atas rumah dan belum dilaksanakan proses penyelenggaraan jenazah. Justeru, mayat tersebut terlebih dahulu dibersihkan dubur dan qubul (*angahulami*) untuk menjaga aib si mati jika para saudara mara datang untuk adat *dua turun napas* (adat baca al-Qur'an).

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat ia merupakan amalan yang tidak bertentangan dengan syarak walaupun proses ini tidak terdapat dalam hukum penyelenggaraan jenazah menurut Islam. Ia merupakan *local wisdom* masyarakat Bajau Semporna bagi menjaga aib si mati untuk mengelakkan bau mayat pada jenazah seterusnya menimbulkan ketidakselesaan kepada para tetamu yang datang. Amalan ini juga bukan daripada saki baki kepercayaan animisme malah ia merupakan kemaslahatan yang utama untuk menjaga aib si mati agar masyarakat yang datang menghadiri proses *dua turun napas* tidak akan berkata kesat kerana bau pada mayat yang belum dilaksanakan proses penyelenggaraan jenazah. Dalil menjaga aib si mati jelas seperti dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (2010: 340) iaitu;

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُفْرَةً مِنْ كُفْرِ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُفْرَةً مِنْ كُفْرِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Terjemahan: "Siapa yang melepaskan dari seorang mukmin satu kesusahan yang sangat dari kesusahan dunia nescaya Allah SWT akan melepaskan darinya satu kesusahan dari kesusahan di hari kiamat. Siapa yang memudahkan orang yang sedang kesulitan niscaya Allah SWT akan memudahkannya di dunia dan nanti di akhirat. Siapa yang menutup aib seorang muslim nescaya Allah SWT akan menutup aibnya di dunia dan kelak di akhirat. Dan Allah SWT sentiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu menolong saudaranya". No.Hadith: 2699

#### **b. Amalan Memandikan Mayat Menggunakan Santan dan Kemenyan**

Dalam adat memandikan jenazah, masyarakat Bajau Semporna dan Kota Belud adalah mengikut Sunnah Rasulullah SAW. Cara memandikan mayat dalam masyarakat Bajau Semporna dan Kota Belud sama dengan masyarakat Islam yang lain. Namun begitu dalam proses memandikan jenazah, terdapat tokok tambah daripada adat tradisi Bajau Semporna dan Kota Belud yang cuba disesuaikan dengan kehendak syarak. Sebagai contohnya, penggunaan air santan (air *lubi* dalam istilah Bajau Semporna) dianggap penting dalam proses memandikan jenazah. Menurut pendapat pengkaji, penggunaan air



santan (air *lubi*) dalam memandikan mayat tidak bercanggah dengan syarak. Hal ini kerana, air *lubi* ini berperanan sebagai bahan organik yang mampu untuk melembabkan kulit dan menghilangkan segala daki dan kekotoran pada tubuh jenazah. Menurut Hj. Hussin b. Hj. Hassan (2015), pada zaman dahulu masyarakat Bajau Semporna sukar menemui bahan-bahan yang digunakan untuk memandikan mayat seperti penggunaan daun bidara disebabkan orang Bajau Semporna ramai mendiami penempatan di pulau pulau jauh dari pekan Semporna. Oleh itu, mereka menggunakan pengalaman mereka dan kearifan tempatan (*local wisdom*) dalam menguruskan penyelenggaraan jenazah termasuklah penggunaan santan (*air lubi*) dalam proses memandikan jenazah yang bertujuan sebagai bahan untuk memlembabkan kulit mayat. Hal ini disokong dengan kajian saintifik yang mengatakan buah kelapa sangat banyak khasiat untuk kulit, rawatan rambut, luka dan sebagainya (G.S Vala, 2014: 124). Hal yang sama berlaku dalam masyarakat Bajau Kota Belud. Penggunaan *badak langsir* digunakan dalam proses memandikan jenazah sebagai ganti kepada sabun kerana ia mempunyai peranan yang sama iaitu untuk menghilangkan kotoran pada jenazah (Hj. Mawala B. Hj. Kadir, 2016). *Badak langsir* ini mengandungi bahan-bahan yang terdiri daripada santan kelapa, daun limau dan juga *dodok* (tepung beras). Hari ini, hujah saintifik turut membuktikan bahawa tepung beras (*dodok*) mempunyai banyak khasiat dalam penjagaan organ tisu kulit (M. Umadevi et al., 2012: 6).

Walaupun penggunaan santan dan tepung *dodok* kelihatan menyalahi Sunnah kerana Rasulullah SAW tidak pernah menggunakannya dan mengamalkannya, namun ia termasuk dalam kategori nas umum yang mana segala tumbuh-tumbuhan yang ada di dunia ini pasti ada khasiatnya sesuai dengan keadaan sosio-budaya sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, pengkaji melihat penggunaan air *lubi* (santan kelapa) ini merupakan proses penentuan hukum Islam yang sesuai untuk masyarakat Bajau kerana khasiatnya dan ia senang didapati dalam kondisi masyarakat Bajau pada ketika itu. Buah kelapa yang mudah diperolehi disebabkan iklim dan geografi penanaman buah kelapa sesuai dengan penempatan Bajau yang berada di kepulauan. Penciptaan segala tumbuh-tumbuhan pasti ada khasiatnya dipertegaskan seperti firman Allah SWT :

وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Al-Jaathiyah: 13

Terjemahan: “Dan Dia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan ada di bumi (sebagai rahmat pemberian) daripadanya. Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya bagi kaum yang memikirkan dengan teliti”.

Di samping itu, penggunaan santan dan tepung *dodok* juga seiring dengan prinsip keharusan menggunakan sesuatu yang mendatangkan manfaat berdasarkan kaedah *al-istishab* iaitu mengekalkan hukum sedia ada sehingga datangnya dalil yang mengubah hukum tersebut (Idris Jumaah Durar Bashir, t.t: 469). Dalam hal ini, istilah *taskhir* dalam ayat di atas telah digunakan oleh al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia untuk memahami setiap kejadian yang diciptakan boleh dimanfaatkan mengikut pelbagai situasi dan keadaan (Zahari Mahad Musa, 2010: 9). Begitu juga dengan upacara pembakaran kemenyan semasa proses memandikan jenazah. Meskipun tiada nas yang menyabitkannya, ia termasuk dalam nas umum yang bertujuan seperti kapur barus bagi menggelakkan sebarang bau mayat daripada dihidu oleh tetamu yang menziarahi jenazah. Dalam hal ini, pengkaji melihat pembakaran kemenyan semasa proses memandikan jenazah merupakan *Qiyas* dalam ilmu *Usul Fiqh* dengan anjuran penggunaan kapur barus dengan 'illahnya sama-sama untuk menggelakkan bau pada mayat. Menurut Sayyid Sabiq, jika tidak dijumpai kapur barus, maka ia boleh digantikan dengan bahan-bahan lain yang seumpamanya mengandungi khasiat mewangikan jenazah (Sayyid Sabiq, 2009: 64). Penggunaan kemenyan dalam hal ini adalah sama dengan kapur barus iaitu kerana baunya yang wangi dan menggelakkan mayat untuk berbau busuk. Terdapat juga pandangan yang mengatakan bahawa kemenyan itu merupakan *uluwwah* (kayu gaharu) dalam bahasa Arab dan memang wujud pada pada zaman Nabi Muhammad SAW (Al-Nawawi al-Jawi, 2002: 177).

Dalil-dalil mengenai penggunaan *uluwwah* ketika proses penyelenggaraan jenazah boleh dilihat seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban (1993:) iaitu:

عَنْ نَافِعٍ، قَالَ: كَانَ ابْنُ عُمَرَ «إِذَا اسْتَجَمَرَ اسْتَجَمَرَ بِالْأَلْوَةِ، غَيْرَ مُطْرَأٍ وَبِكَافُورٍ، يَطْرُحُهُ مَعَ الْأَلْوَةِ» ثُمَّ قَالَ: «هَكَذَا كَانَ يَسْتَجِمِرُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Terjemahan: Dari Nafi', ia berkata: "Apabila Ibnu Umar ingin mewangikan mayat, maka beliau mewangikannya dengan kayu gaharu yang tidak dihaluskan, dan dengan kapur barus yang dicampurkan dengan kayu gaharu. Kemudian beliau berkata: "Beginilah cara Rasulullah SAW ketika megwangikan jenazah". No. Hadith: 5463

Menurut Imam Nawawi (1981: 10), yang dimaksudkan dengan istilah *istajmara* dalam hadis di atas merujuk kepada memakai wangian dan *berbukhur* (membakar kemenyan) dengannya. Lafaz *istajmara* diambil dari kalimat *al-majmar* yang membawa maksud *al-bukhur* (bakar kemenyan) adapun *uluwwah* (kayu gaharu) menurut pakar bahasa Arab merujuk kepada kayu gaharu yang dibuat kemenyan. Menurut beliau juga, dianjurkan membakar kemenyan (*yabkhur*) di sisi mayat kerana kadang-kala dari mayat

muncul bau, justeru bau kemenyan tersebut mampu mengatasinya atau mengalahkannya. (Al-Nawawi, 2004: 125).

Sehubungan itu, Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (1990: 315) pernah menyatakan pendapatnya tentang kemenyan dalam kitabnya yang terkenal iaitu *Zadul Ma'ad* bahawa:

العود الهندي نوعان، أحدهما: يستعمل في الأدوية وهو الكست، ويقال له: القسط وسيأتي في حرف القاف. الثاني: يستعمل في الطيب، ويقال له: الألوّة. وقد روى مسلم في " صحيحه " : عن ابن عمر رضي الله عنهما، أنه ( « كان يستحمر بالألوّة غير مطرأة، وبكافور يطرح معها، ويقول: هكذا كان يستحمر رسول الله صلى الله عليه وسلم، » ) وثبت عنه في صفة نعيم أهل الجنة (جمامهم الألوّة)

Terjemahan: "Kayu gaharu india itu ada dua macam. Pertama adalah kayu gaharu yang digunakan untuk pengubatan, yang dinamakan kayu *al-Kust*. Ada juga yang menyebutnya dengan *al-Qusth*, menggunakan huruf "Qaf". Kedua adalah yang digunakan sebagai pengharum, yang disebut *Uluwwah*. Dan sungguh Imam Muslim telah meriwayatkan didalam kitab sahihnya dari Ibnu Umar RA, bahwa beliau (Ibnu Umar) menwangikan jenazah dengan kayu gaharu yang tidak dihaluskan, dan dengan kapur barus yang dicampur dengan kayu gaharu. Kemudian beliau berkata, "Beginilah cara Rasulullah SAW menwangikan jenazah. Dan terbukti sebuah hadis lain riwayat Imam Muslim perihal mensifati kenikmatan penghuni surga, iaitu "penwangian/kemenyan ahli syurga itu menggunakan kayu gaharu".

Dalam hal ini, pengkaji melihat bahawa kemenyan itu digunakan bukan hanya dalam benda mistik milik agama tertentu, tetapi ia merupakan *universal culture* yang digunakan oleh pelbagai bangsa dan pelbagai tujuan. Hal ini kerana kemenyan itu mempunyai pelbagai variasi dan istilah yang berbeza mengikut budaya setempat. Di Mesir misalnya, bangsa Mesir Kuno memanfaatkan kemenyan sebagai salah satu bahan dalam proses membuat mumia (Fikarwin Zuska, 2005: 42). Di Tanah Arab dan Syam, kemenyan ditempatkan dalam bekas-bekas yang cantik untuk mengharumkan ruang-ruang istana dan rumah-rumah. Manakala di Asia Selatan dan Asia Timur, kemenyan dibakar dalam kuil-kuil sebagai simbol peribadatan (Ir. Mohammad Na'iem, 2014: 1). Ini semua menunjukkan bahawa kemenyan itu sudah digunakan dalam peradaban lampau dan menjadi satu suatu medium yang digunakan dengan pelbagai tujuan bergantung kepada niat. Justeru, harus atau haram penggunaan kemenyan ini bergantung kepada tujuan penggunaannya.

Ringkasnya, dalam adat memandikan mayat, struktur asas proses tersebut sahih menurut hukum Islam. Namun, terdapat beberapa perkara yang ditokok tambah dalam proses memandikan mayat yang merupakan hasil daripada *local wisdom* masyarakat Bajau dalam berinteraksi dengan kebudayaan setempat seperti amalan *badak langsir*, penggunaan santan dan

kemenyan dan sebagainya. Pengkaji berpendapat, tokok tambah dalam adat memandikan mayat tersebut bukan merupakan sinkretisme yang dilarang syarak malah ia termasuk dalam *'urf sahih* kerana terdapat nas lain yang menyokong amalan tersebut.

### c. Adat Memasang *Guris*

Adat atau upacara memasang *guris* merupakan adat yang diamalkan oleh masyarakat Bajau Kota Belud. Ia dilaksanakan selepas upacara talkin dilaksanakan. *Guris* ialah adat membuat garisan selepas mayat selesai dikebumikan. Garis tersebut berbentuk segi empat di samping memacakkan sebilah kayu kecil di tepi batu nisan (Halina Sendera Mohd Yakin, 2013: 149). Imam yang mengetuai upacara ini akan membacakan doa dan mantera tertentu.

Menurut kepercayaan orang Bajau Kota Belud, Tujuan membuat *guris* ini ialah untuk menghalang perbuatan jahat individu yang mengamalkan ilmu hitam daripada mengambil anggota tubuh si mati. *Guris* juga bertujuan untuk menghalang hantu (*mangat balan-balan*) daripada mendekati kubur dan memperolehi mayat si mati tersebut. Selepas upacara *guris*, mayang pinang dan bunga-bunga akan ditebarkan di atas tanah perkuburan. Kelambu dan *payung jomo matai* akan dipacakkan di atas kubur. Pada zaman dahulu, kegiatan mencuri mayat untuk dijadikan ilmu perbomohan sangat popular dalam masyarakat Bajau. Justeru, amalan *guris* terus dilakukan untuk menggelakkan jin atau syaitan cuba mengambil mayat tersebut. Amalan ini telah berlaku fenomena sinkretisme kerana terdapat mantera-mantera tertentu dan cuba diislamisasikan agar tidak berlaku percanggahan antara adat memasang *guris* dengan ajaran Islam (Hj. Mawala b. Hj Kadir, 2016)

Menurut Islam, amalan memasang *guris* ini dilihat dari dua perspektif. Perspektif pertama, jika amalan *guris* ini berserta dengan amalan mantera yang tidak difahami maka amalan *guris* ini termasuk dalam jampi yang diharamkan dan syirik. Ia berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Majah (t.t):

إن الرقى والتمايم والتولة شرك

Maksudnya: “Sesungguhnya jampi mantera (yang tidak Islamik) dan tangkal-tangkal serta ilmu pengasih adalah syirik. No. Hadith: 3530

Pespektif kedua, memasang *guris* ini diharuskan jika amalan ini hanya berserta doa tertentu dan tidak diiringi dengan mantera-mantera yang tidak difahami maknanya. Berdasarkan temu bual pengkaji dengan Hj. Mawala (2016) iaitu imam kampung yang biasanya mengamalkan amalan *guris* ini, beliau mengatakan bahawa amalan ini sebagai pendinding agar kubur tersebut tidak diganggu oleh makhluk jin atau bomoh yang mengamalkan ilmu hitam. Beliau hanya melakarkan garis tertentu dan membaca ayat al-

Qur'an *Fadam Dama Alaihim Rbbuhum Bizambihim Fasawwaha*. Menurut beliau, signifikan ayat ini dibacakan beliau sendiri tidak mengetahuinya. Terdapat juga rakan-rakan beliau (imam) yang mengetuai amalan guris ini membaca mantera tertentu tetapi beliau tidak mengamalkannya. Menurut pengamatan pengkaji, ayat yang dibacakan dalam amalan guris tersebut merupakan ayat ke-14 dalam surah As-Syams. Firman Allah SWT:

فَكَذَّبُوهُ فَعَقَرُوهَا فَدَمْدَمَ عَلَيْهِمْ رَبُّهُمْ بِذُنُوبِهِمْ فَسَوَّاهَا

Terjemahan: "Lalu mereka mendustakannya dan menyembelih unta itu, maka Allah membinasakan mereka disebabkan dosa mereka, lalu Allah SWT menyamaratakan mereka dengan tanah.

Menurut Ibnu Kathir, ayat di atas diturunkan kepada kaum Tsamud di mana mereka mendustakan Rasul-rasul yang Allah SWT utuskan kepada mereka. Mereka enggan mengikutinya malah mendustakan Nabi Salleh serta menyembelih unta yang telah diperintahkan Allah untuk menjaganya. Disebabkan itu, Allah SWT murka dan menimpakan kebinasaan ke atas mereka dengan menyamaratakan mereka dengan tanah (Ibn Kathir, 2003: 10/288). Dalam hal ini, pengkaji melihat kesinambungan antara ayat di atas dengan doa yang dibacakan ketika memasang guris ialah ayat tersebut merupakan ayat pendinding sebagai celaan Allah SWT dengan membinasakan dengan tanah sesiapa yang cuba membuat kerosakan kepada kubur si mati. Jika ayat ini yang dibaca untuk melindungi kubur daripada gangguan makhluk halus dan pengamal ilmu hitam, bagi pengkaji, ia diharuskan kerana ia merupakan jampi (ayat pendinding) yang berunsurkan Islam tanpa ada unsur khurafat. Dalil pengharusan jampi yang tidak ada unsur syirik jelas seperti dalam hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (2010: 4/25):

اعْرِضُوا عَلَيَّ رُفَاتِكُمْ، لَا بَأْسَ بِالرُّفَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهَا شَيْءٌ

Terjemahan: "Tunjukkan kepadaku jampi-jampi kamu. Tidak mengapa dengan jampi-jampi selagi tidak ada syirik padanya". No. Hadith: 2200

Berhubung dengan lakaran guris tersebut pula yang berbentuk segi empat, pengkaji berpendapat lakaran tersebut mempunyai simbolik dan signifikan tertentu. Ini disokong dengan fakta kisah Rasulullah SAW berdakwah kepada bangsa jin. (Muslim, 2010: 1/332). Imam al-Suyuti menyebut dalam kitabnya *Luqt al-Marjan fi Ahkam al-Jan* mengenai kisah yang diriwayatkan oleh al-Thabrani dan Abu Nu'aim daripada Ibn Mas'ud. Ketika Ibn Mas'ud dan beberapa orang sahabat bersama-sama Baginda SAW berada di Makkah, Baginda SAW bersabda yang dinaqalkan oleh Imam al-Hafiz Jalaludin al-Suyuti (1989: 67-68) iaitu;

بينما نحن مع رسول الله صلى الله عليه وسلم بمكة وهو في نفر من أصحابه إذ قال ليقيم معي رجل منكم ولا يقوم معي رجل في قلبه من الغش مثقال ذرة قال فقمتم معه فأخذت الإداوة ولا أحسبها إلا ماء فخرجت مع رسول الله صلى الله عليه وسلم حتى إذ كنا بأعلى مكة رأيت أسودة مجتمعة قال فخط لي رسول الله صلى الله عليه وسلم خطا ثم قال قم هاهنا حتى آتيك فقمتم ومضى رسول الله صلى الله عليه وسلم إليهم فرأيتهم يثورون إليه قال فسمر معهم رسول الله صلى الله عليه وسلم ليلا طويلا حتى جاءني رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال لي ما زلت قائما يا ابن مسعود قلت له يا رسول الله أو لم تقل لي قم حتى آتيك قال ثم قال لي هل معك من وضوء قال فقلت نعم قال ففتحت الإداوة فإذا هو نبيذ قال فقلت له يا رسول الله والله لقد أخذت الإداوة ولا أحسبها إلا ماء فإذا هو نبيذ قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ثمرة طيبة وماء طهور قال ثم توضأ منها فلما قام يصلي أدركه شخصان منهم فقالا يا رسول الله إنا نحب أن تؤمنا في صلاتنا قال فصفهما رسول الله صلى الله عليه وسلم خلفه ثم صلى بنا فلما انصرف قلت يا رسول الله من هؤلاء قال هؤلاء جن نصيبين جاءوني يختصمون في أمور كانت بينهم وقد سألتوني الزاد فزودتهم قال فقلت له وهل عندك يا رسول الله شيء تزودهم إياه قال قد زودتهم الرجعة وما وجدوا من روث وجدوه شعيرا وما وجدوا من عظم وجدوه كاسيا قال فعند ذلك نهي رسول الله صلى الله عليه وسلم عن أن يستطاب بالعظم والروث

Terjemahan: “Hendaklah ada seseorang antara kamu yang pergi bersama-sama”. Namun, tidak ada seorang pun yang berdiri kecuali Ibn Mas’ud. Mereka berjalan dan tiba di satu tempat tinggi di Makkah. Di sana, Ibn Mas’ud melihat kepulan asap seolah-olah berhimpun. Rasulullah SAW membuat satu garisan di sekeliling Ibn Mas’ud dan seraya berkata: “Kau berdiri sahaja di tempat ini sehingga aku kembali”. Ibn Mas’ud menurut perintah. Rasulullah SAW menghampiri kepulan asap tersebut. Baginda cukup lama berbual mesra dengan mereka hingga baginda menemui Ibn Mas’ud waktu fajar menyinsing.

Berdasarkan kisah di atas, dapat dirumuskan bahawa Rasulullah SAW telah menggunakan teknik lakaran (Mohammad Amir Wan Harun et.al, 2015: 45) kepada Ibnu Mas’ud agar tidak Ibnu Mas’ud tidak diganggu oleh bangsa jin. Signifikan daripada lakaran berbentuk bulatan tersebut menunjukkan bahawa pemagar atau pendinding boleh dilakukan ke atas manusia dengan cara yang betul. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa amalan *guris* yang masyarakat Bajau amalkan boleh dilakukan dengan syarat tidak ada unsur mantera yang bercampur-baur dengan ayat al-Qur’an.

#### d. Adat Ngeduang

Adat *Ngeduang* merupakan adat yang diamalkan oleh masyarakat Bajau di pantai barat Sabah terutamanya di Kota Belud. Secara dasarnya, *ngeduang* membawa maksud memberi makan kepada arwah dan membantunya menjalani kehidupan di alam Barzakh (Saidatul Nornis Mahali, 2002). Pada masa yang sama, *ngeduang* juga boleh membawa maksud sedekah keluarga

arwah kepada tetamu yang hadir di majlis kenduri demi amal jariah dan kesejahteraan arwah.

Berdasarkan observasi pengkaji di Kota Belud, amalan *ngeduang* ini telah mengalami perubahan. Dahulu, amalan ini bertujuan memberi makan kepada arwah yang jelas merupakan saki-baki sinkretisme daripada fahaman animis, kini amalan *ngeduang* sudah berlaku modifikasi yang bertujuan sebagai simbolik kasih sayang daripada waris ahli keluarga si mati dengan memberikan jamuan makanan kepada hadirin yang datang dan diniatkan sebagai sedekah untuk si mati.

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat ia dalam kategori hukum adat yang diharuskan syarak. Hal ini kerana '*illah* (sebab) yang wujud iaitu tujuan asal *ngeduang* dilakukan adalah untuk menjamu roh individu yang telah meninggal dunia telah tidak wujud. Sebagaimana yang dimaklumi dalam kaedah *Qarwaid al-Fiqhiyyah* (al-Ghazali, 2000: 2/54) bahawa;

الحكم يدور مع علته وجودا وعدمًا

Terjemahan: "Hukum itu bergantung kepada '*illah* (sebab). Ada '*illah* ada hukum, tiada '*illah* tiada hukum

Berdasarkan kaedah ini, jelas bahawa sebab utama melakukan *ngeduang* telah tidak wujud dan tujuan *ngeduang* kini telah bertukar dengan menjamu arwah yang telah meninggal dunia pada asalnya berjaya ditukar ganti kepada menjamu hadirin yang datang dan diniatkan sebagai sedekah untuk si mati. Modifikasi adat ini menunjukkan bahawa adat ini telah berjaya diislamisasikan agar tidak bertentangan dengan kehendak syarak. Selain itu, nilai sosial yang wujud dalam amalan *ngeduang* itu sendiri menunjukkan ia nilai-nilai yang sangat dititikberatkan oleh Islam. Antara nilai-nilai sosial yang boleh didapati dalam amalan *ngeduang* ialah amalan sedekah, nilai ukhwah islamiyyah dan juga amalan tolong menolong sesama jiran dan sanak-saudara. (Halina Sendera Mohd Yakin, 2008: 69).

Nilai-nilai sosial yang wujud dalam amalan ini mempunyai sandaran yang jelas daripada al-Quran dan al-Sunnah. Amalan tolong menolong sebagai misalnya dapat dilihat dalam firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Al-Ma'idah: 2

Terjemahan: "Dan tolong-menolonglah kalian dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa, dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kalian kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah amat pedih siksa-Nya"

Begitu juga dengan amalan sedekah. Allah SWT berfirman:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Al-Baqarah: 195

Terjemahan: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Ringkasnya, amalan *ngeduang* ini walaupun pada asalnya merupakan saki baki sinkretisme kerana terdapat unsur sajian kepada roh nenek moyang tapi pada hari ini amalan ini telah mengalami perubahan. Malah, nilai-nilai sosial pada amalan ini mempunyai banyak dalil dan sandaran daripada al-Qur'an dan al-Sunnah tentang kebaikannya.

## PENUTUP

Islam merupakan sebuah agama yang mempunyai sistem hidup yang lengkap merangkumi pelbagai aspek sama ada politik, ekonomi mahupun sosial hidup bermasyarakat. Pengambilkiraan *'urf* dan budaya masyarakat dalam berfatwa adalah merupakan satu metode dalam pelaksanaan hukum Islam yang dikenali sebagai *al-Adah Muhakkamah* dalam disiplin ilmu *Usul al-Fiqh*. Berdasarkan kaedah ini, ia menunjukkan bahawa Islam sangat menghormati adat dan budaya suatu masyarakat dengan syarat ia tidak bertentangan dengan nas syarak. Adat tradisi lama yang berakar umbi dalam masyarakat Bajau boleh diamalkan dengan syarat ia telah dimurnikan atau diislamisasikan dengan sistem adat yang baru berteraskan ajaran Islam sepenuhnya. Justeru, walaupun Islam telah berjaya mengubah *world-view* masyarakat Bajau, namun pada tahap tertentu kesinambungan kepercayaan dan tradisi lama masih terus dipelihara dalam kehidupan sosiobudaya masyarakat Bajau.

Demikianlah hubung kait antara ajaran Islam dengan adat tradisi. Pertembungan ajaran Islam dengan adat tradisi, Islam tidak terus menghapuskannya, tetapi tidak pula terus menerimanya. Kesemua adat perlu diubahsuai agar tidak menyalahi ajaran Islam. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji dapat merumuskan adat dan *'urf* kematian masyarakat Bajau Semporna dan Kota Belud yang diamalkan sehingga ke hari ini terbahagi kepada dua kategori iaitu sebahagian daripada adat dan amalan tersebut ada yang menepati Sunnah manakala sebahagian amalan yang lain tidak termasuk Sunnah malah termasuk dalam perkara bid'ah atau khurafat sama ada ditokok tambah atau dipengaruhi budaya setempat. Namun dalam perbincangan di atas, unsur-unsur penambahan masyarakat Bajau dalam adat



kematian adalah menurut Sunnah dan ia wajar diamalkan kerana tidak bercanggah dengan syariat Islam.

## RUJUKAN

- Abu al-Husain al-Imrani al-Yamani. 2000. *Al-Bayan fi Mazhab al-Syafi'i*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Ainul Fitriah. 2013. "Pemikiran Abdurrahman Wahid Tentang Pribumisasi Islam" dalam *Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam*, vol.3, no.1, h. 41.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. 2000. *Al-Mustasfa* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Jurjani, 'Ali b. Muhammad. 1283. *Kitab al-Ta'rifat*. Kaherah: t.p.
- Al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariya Yahya ibn Sharaf ibn Muri al-Hazami. 1981. *Sahih Muslim Bisyarhi al-Nawawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- \_\_\_\_\_.2004. *Al-Majmu' Syarah Muhazzab*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Nawawi al-Jawi. 2002. *Nihayah al-Zain fi Irsyad al-Mubtadiin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. 2003. *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Suyuthi, Al-Hafiz Jalaludini. 1989. *Luqat al-Marjan fi Ahkam al-Jann*. Kaherah: Maktabah al-Qur'an li Tiba', wa al-Nasyri' wa al-Tauzi'.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 2010. *Usul al-Fiqh al-Islami* .Damsyik: Dar al-Fikr.
- Brown, D.E., 1970. *Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate Brunei*. Brunei: Brunei Museum.
- Dalrymple, S.E. 1884. "The Tawaran and Putatan Rivers, North Borneo" dalam jurnal *ISBRAS*, no. 13, h. 261-272.
- Evans, I.H.N. 1922. *Among Primitive Peoples In Borneo*. London: Seeley Service & Co. Ltd.
- Fikarwin Zuska. 2005. "Kebun Agroforest Kemenyan di Tapanuli Utara" dalam *Jurnal Antropologi Sosial Budaya Etnovisi*.
- G.S Vala, dan P.K. Kapadiya. 2014. "Medicinal Benefits of Cocunut Oil" dalam *International Journal of Life Science Research*, Vol.2, Issue 4, h. 124-126.
- H.A Nimmo. 1968. "Reflections in Bajau History," dalam *Philippines Studies* 16, no. 1, h.37-38.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2013. *Semiotik Dalam Adat Kematian Bajau, Sabah*. Tesis Kedoktoran, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Halina Sendera Mohd Yakin dan Saidatul Nornis Mahali. 2008. "Duang: The Semiotic Interpretation and Preception of the Bajau-Sama Community in Sabah," dalam *Jurnal Komunikasi*, Vol 24, 69.
- Hassan Mat Nor. 1980. "Masyarakat Bajau dan Adat Perkahwinan: Satu Tinjauan Awal di Kota Belud, Sabah", *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 8, 172-185.

- Ibnu Hibban. 1993. *Sahih Ibnu Hibban*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibnu Kathir. 2003. *Tafsir Ibnu Kathir*, terj. M. Abdul Ghafur dan Abu Ihsan al-Atsari. Jakarta: Pustaka Imam al-Syafie.
- Ibnu Majah. 1975. Abu Abdullah Muhammad Ibn Yazid al-Qazwini. *Sunan Ibn Majah*. Misr: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyah. 1990. *Zadul Ma'ad*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Idris Jum'ah Durar Bashir. t.t. *Al-Ra'yu wa Atharuhu Fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ir. Mohammad Na'iem, ed. 2014. *Mengenal Pohon Kemenyan (Styrax spp) Jenis dengan Spektrum Pemanfaatan Luas yang Belum Dioptimalkan*. Bogor: IPB Press.
- Lailawati Madlan et al. 2014. "The Prejudice of Bajau: From Own and Others Ethnic Perspective: A Preliminary Study in Sabah," dalam *International Journal of Information and Education Technology*, vol.4, no.3, 244.
- M. Umadevi et al. 2012. "Rice-Traditional Medicinal Plant in India," dalam *Journal of Pharmacognosy and Phytochemistry*, Vol 1, No. 1, 6-12.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2000. "Fiqh Malaysia: Konsep dan Cabaran," dalam *Fiqh Malaysia ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, ed. Paizah Ismail dan Ridzwan Ahmad. Kuala Lumpur: Al-Baian Corporation Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2010. *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Mohammad Amir Wan Harun et.al. 2015. "Epistemologi Praktik Bahan Bantu Mengajar Nabawi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran" dalam *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, vol.2, no.2, 45-55.
- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. 2014. "Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa" dalam *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. Vol. 4. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Amin Afandi Ibn Abidin. 1980. *Majmu 'ah Rasail Ibn Abidin*.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusayri al-Naysaburi. 2010. *Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al- Hadith.
- Noor Naemah Abdul Rahman et.al. 2005. "Pengambilkiraan 'Uruf Masyarakat Majmuk dalam Berfatwa: Analisis Terhadap Fatwa Terpilih" dalam *Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global*, ed. Wan Abdul Hamid Wan The. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Ruqayyah Taha Jabir al-'Alwani. 2004. *Athar al-Urf fi Fahm al-Nusus*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mua'sir.
- Saidatul Nornis Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat*, ed. Saidatul Nornis Mahali. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- \_\_\_\_\_. 2010. *Adat dan Ritual Kematian di Sabah* ed., Saidatul Nornis Mahali. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sayyid Sabiq. 2009. *Fiqh Sunnah*. terj. Nor Hasanuddin dan Aisyah Saipuddin. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Sopher, D.E., 1965. *A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. Syracuse University, Memoirs of The National Museum.
- \_\_\_\_\_. 1977. *The Sea Nomads*. Syracuse University: Memoirs of The National Museum.
- Subhi Mahmasani. 1971. *Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam*. Beirut: t.p.
- Wallace, B.J., 1965. *Village Life in Insular Southeast Asia*. Boston: Methodist University Little Brown Company.
- Yap Beng Liang. 1977. "Orang Bajau Pulau Omadal, Sabah: Satu Kajian Tentang Sistem Budaya". Tesis sarjana tidak diterbitkan, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Zahari Mahad Musa. 2010. "Fiqh al-Biah: Prinsip Interaksi Manusia dengan Alam Sekitar", *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, vol. 18, bil.1, 9.

### Temubual

- Hj. Hussin bin Hj Hassan. 19 September 2015 di Kg. Bugaya Semporna Sabah. Beliau merupakan imam yang sentiasa mengetuai adat-adat masyarakat Bajau Semporna khususnya dalam adat-adat kematian.
- Hj. Alifuddin b. Ghani. 16 Januari 2016 di Kg. Kulumbai Dundau Kota Belud. Beliau merupakan ketua kampung Kulumbai Dundau dan sering dijadikan tempat rujukan berkaitan dengan adat-adat Bajau Kota Belud.
- Hj. Mawala b. Hj Kadir. 16 Januari 2016 di Kg. Kulumbai Dundau Kota Belud. Beliau merupakan imam yang sentiasa mengetuai adat-adat masyarakat Bajau Kota Belud khususnya dalam adat-adat kematian.
- Moktar Daman. 15 Februari 2017. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Istinbat, Majlis Fatwa Negeri Sabah dalam temu bual dengan pengkaji melalui emel.

### Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.